



11 Julai 2012

### **3 lelaki telan kapsul syabu ditahan**

TANGERANG: Tiga lelaki ditahan kerana cuba menyeludup methamphetamine kristal (syabu) melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Soekarno-Hatta, dengan menelan kapsul dadah itu, kata pegawai, semalam.

Ketua Pejabat Kastam dan Eksais, Oza Olivia berkata, walaupun suspek itu mengambil penerbangan yang sama dari Kuala Lumpur, mereka adalah dari dua kumpulan yang berbeza.

Mereka dikenali sebagai Y, 33, yang bekerja di luar negara, manakala warga Jakarta, EA, 36 tahun dan JA, 27 tahun dari kumpulan yang sama.

Oza berkata, mereka tiba pada 2 Julai dan berkelakuan mencurigakan. Pegawai Unit Taktikal Kastam (CTU) tidak menemui dadah itu tetapi menemui kapsul di dalam perut mereka ketika diimbis mesin X-ray. - JP